



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA Perkara : TVET

TAJUK ARTIKEL : LEPASAN SPM DIGALAK SERTA TVET PERTANIAN - AHMAD ZAHID

SUMBER : BERNAMA - 7 MEI 2026

Lepasan SPM Digalok Sertai TVET Pertanian – Ahmad Zahid

07/05/2026 05:57 PM



Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi

BANGI, 7 Mei (Bernama) -- Lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) digalok untuk menyertai bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) pertanian yang mampu membuka peluang kerjaya berpendapatan tinggi kepada golongan muda.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata bidang itu tidak lagi wajar dianggap sebagai pilihan kedua atau ketiga, sebaliknya perlu dijadikan pilihan utama bagi melahirkan tenaga kerja mahir dalam sektor agrikomoditi negara.

Beliau berkata lepasan TVET pertanian berpotensi memperoleh pendapatan melebihi kadar gaji minimum sekiranya memiliki kemahiran yang diperlukan pihak industri.

"Kita mahu selain daripada mereka yang bernasib baik masuk ke universiti, mereka yang lepasan SPM juga digalokkan masuk ke TVET pertanian dengan gaji melebihi kadar gaji minimum.

"TVET bukan pilihan kedua atau pilihan ketiga. Insha-Allah TVET akan menjadi pilihan utama kepada anak-anak muda di negara kita," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran Skwad Agrokomoditi Kementerian Perlindungan dan Komoditi (KPK) di sini hari ini.

Turut hadir, Menteri Perlindungan dan Komoditi Datuk Seri Dr Noraini Ahmad serta Pengerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia Datuk Mohamad Helmy Othman Basha.



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA Perkara : TVET

TAJUK ARTIKEL : LEPASAN SPM DIGALAK SERTAI TVET PERTANIAN - AHMAD ZAHID

SUMBER : BERNAMA - 7 MEI 2026

Mengenai Skuad Agrikomoditi KPK, Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata penubuhannya merupakan pendekatan baharu bagi memperkukuh advokasi sektor berkenaan terutama di peringkat akar umbi.

"Skuad ini diharapkan bukan sekadar membawa mesej dan risalah, tetapi juga turun ke akar umbi untuk mempertingkatkan martabat mereka yang terlibat dalam sektor pertanian dan komoditi. Ini penting sebagai advokasi yang sangat signifikan bagi mengubah persepsi dan meyakinkan rakyat bahawa agrikomoditi adalah sektor yang moden, bermaruah dan bernilai tinggi," katanya.

Ahmad Zahid berkata pemerkasaan jaringan lapangan yang menghubungkan dasar kerajaan dengan realiti yang dihadapi pekebun kecil, pengusaha serta komuniti desa adalah penting.

Beliau menegaskan bahawa sektor komoditi negara yang merangkumi getah, koko, lada, kenaf dan kayu berpotensi besar untuk terus diperkembangkan.

Menyedari keperluan itu, Ahmad Zahid berkata Skuad Agrikomoditi KPK akan digerakkan secara berperingkat di setiap kawasan Parlimen dengan penglibatan aktif golongan muda termasuk mahasiswa di institusi pengajian tinggi (IPT).

Skuad Agrikomoditi KPK ialah platform sukarelawan dan pembangunan bakat yang menghubungkan golongan muda, pekebun kecil, institusi TVET, IPT dan pemain industri bagi memperkasakan sektor agrikomoditi negara.

Antara peranan utama skuad itu ialah menjadi ejen transformasi digital dengan membawa teknologi baharu, bertindak sebagai duta kelestarian bagi menerangkan komitmen Malaysia terhadap amalan mampan serta membantu pekebun kecil menghasilkan produk hilir bernilai tinggi.

-- BERNAMA

BERNAMA menyediakan informasi dan berita terkini yang sahih dan komprehensif yang disebarkan melalui Wires BERNAMA; www.bernama.com; BERNAMA TV di saluran Astro 502, unifi TV 631 dan MYTV 121 dan Radio BERNAMA di frekuensi FM93.9 (Lembah Klang), FM107.5 (Johor Bahru), FM107.9 (Kota Kinabalu) dan FM100.9 (Kuching).